



ELEMEN alam sekitar menjadi pertaruhan Jeep kali ini.



AURA feminin masih dikekalkan menerusi pilihan warna-warna lembut.



SEMUA pakaian Jeep musim ini sesuai disarungkan ketika melakukan aktiviti lasak.

# Gaya lasak aura semasa busana

Koleksi terkini Jeep Apparel mengambil inspirasi alam sekitar yang sesuai buat mereka yang sukakan cabaran dan gaya hidup yang aktif.

**M**ENGAMBIL konsep elemen alam sekitar, koleksi baharu Jeep Apparel menyeru penggemarnya untuk menghargai dan meraikan keindahan yang terdapat di sekeliling kita.

Koleksi itu hadir lengkap untuk seisi keluarga termasuk lelaki, wanita dan kanak-kanak. Ia dicipta khas buat mereka yang cintakan cabaran dan menikmati gaya hidup ibu kota. Selain itu, koleksi itu bersesuaian untuk digayakan ketika bekerja dengan cuaca tropika di negara kita.

Penggemar boleh menjangkakan rona-rona seperti jingga, kuning, biru, hijau dan warna-warna asas. Ia dipecahkan kepada baju-baju T, baju polo, jaket, denim, seluar kargo, seluar chino dan skirt.

Koleksi baharu lelaki dicipta untuk menarik minat si jejaka yang selari dengan cita rasa terkini. Rekaan seluar kargo dan jeans

dipertingkatkan melalui fabrik, tona warna dan gaya yang lebih menarik. Kemeja kotak diberi nafas baharu dengan corak terkini dengan pilihan rona-rona khaki, kelabu dan perang. Baju polo dan leher bulat dicetuskan dengan pilihan rona terang seperti biru, hijau dan kuning.

Deretan baju untuk kaum Hawa dicipta sesuai untuk wanita moden dan berkeyakinan serta yang mahukan cabaran. Pada masa yang sama, cita rasa fesyen tidak dipinggirkan. Koleksi baju diberi kesegaran corak flora dengan warna terang dan dres rona gelap seperti biru, hijau, merah, kelabu, perang dan kuning cair.

Jeep Kids musim kali ini menampilkan cita rasa lasak untuk kanak-kanak aktif. Baju T dan kemeja kotak dengan warna natural diberi padanan

seluar pendek kargo dan jeans. Baju polo untuk kanak-kanak lelaki dan perempuan hadir dengan corak jalur dan grafik berwarna ceria dengan perlambangan alam sekitar.

Koleksi kanak-kanak perempuan juga diberi penekanan melalui dres denim dan korduroi dan baju corak flora yang bersesuaian dengan tema, Love the Earth.


Label Jeep Apparel boleh didapati pada harga yang berpatutan iaitu antara RM69 hingga RM399 di beberapa pusat beli-belah utama seperti AEON Cheras Selatan, KL Festival City, AEON Tebrau City dan City Square.




DRES denim bersama skirt polka dot ini memberi penampilan ranggi kepada si cilik.



KOLEKSI baharu Jeep sesuai digayakan seisi keluarga.



BAJU T berkolar disediakan dalam tona warna yang lebih menarik.



WANITA moden yang dahagakan gaya rileks pasti teruja dengan koleksi Jeep ini.

JAKET hitam ini membentuk imej lebih segar kanak-kanak lelaki.



PASTIKAN tangan anda dalam keadaan bersih sebelum kanta lekap dipasang pada mata.

## Lindungi kanta lekap

MATA merupakan deria yang amat penting yang membolehkan kita melihat keindahan yang dicipta sempurna oleh Yang Maha Esa. Akibat masalah penglihatan yang menyebabkan pandangan menjadi kurang jelas, pemakaian cermin mata dan kanta lekap dapat membantu mengembalikan penglihatan. Stailo memberi panduan penggunaan kanta lekap yang sering dipandang remeh oleh pemakainya.

**doktorgaya**

### Kebersihan

Sebelum memakai kanta lekap, pemakai harus mencuci tangan terlebih dahulu sebelum memegang dan meletakkannya ke atas anak mata. Tangan yang kotor boleh mengakibatkan infeksi pada mata akibat kotoran atau kuman yang terlekat pada kanta lekap. Jika mata menjadi kemerahan dan bengkak selepas memakai kanta lekap, digalakkan untuk menanggalkannya terlebih dahulu. Cuci dengan cecair yang diberikan dan rendamkan untuk beberapa ketika sebelum memakainya semula.



CECAIR yang betul penting bagi mengekalkan kebersihan kanta lekap.

### Kesesuaian

Kanta lekap tidak lagi sekadar menjadi pengganti pemakaian kaca mata kerana ramai yang menggunakannya hanya kerana fesyen dan menambahkan seri wajah mereka. Ia tidak melanggar etika sebarang undang-undang, namun adalah dinasihatkan untuk melihat dahulu kesesuaiannya dengan warna kulit muka dan penampilan secara keseluruhannya. Warna yang dipilih harus sesuai dengan kulit wajah, dan buang persepsi memilihnya berdasarkan warna baju. Anda pasti kelihatan janggal tampil serba hijau dari mata hingga ke baju yang digayakan!

### Penjagaan

Kanta lekap perlu ditanggalkan selepas enam hingga lapan jam digunakan. Ia bergantung kepada keadaan cuaca dan mata seseorang individu. Pemakaian yang terlalu lama akan membuatkan mata menjadi letih dan menyebabkan ketidakelesaan pada organ penglihatan tersebut. Kadar hayat kanta lekap adalah tidak lama. Oleh yang demikian, pengguna adalah dinasihatkan untuk menukar kanta lekap setiap bulan bagi menjamin kesihatan dan keselamatan mata.